

## UPSI - Rusia perkukuh hubungan akademik, tubuh Pusat Pendidikan Terbuka



**Tg Malim, 8 September** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bakal menjadi tuan rumah kepada penubuhan Pusat Pendidikan Terbuka di kampusnya, hasil inisiatif bersama Kementerian Pendidikan Rusia melalui kerjasama strategik dengan Altai State Pedagogical University, Rusia.

Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI, Profesor Madya Dr Mazura @ Mastura Muhammad berkata, penubuhan pusat berkenaan merupakan langkah penting hasil idea asal Altai State Pedagogical University yang berhasrat memperkuuh kerjasama antarabangsa dengan UPSI.

Menurut beliau, konsep pendidikan terbuka berteraskan falsafah akses ilmu tanpa sempadan, iaitu menyediakan bahan pembelajaran dan sumber pengetahuan berkualiti tinggi yang boleh diakses secara percuma atau dengan kos yang minimum.

"Pendidikan terbuka menekankan keterangkuman, fleksibiliti dan

penggunaan teknologi bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

"Ia bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran malah mengurangkan jurang akses pendidikan antara pelbagai lapisan masyarakat," katanya.

Penubuhan pusat ini, katanya, dijangka mengangkat kedudukan UPSI sebagai institusi pendidikan terulung negara serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG 4) yang menekankan pendidikan berkualiti, inklusif dan saksama untuk semua.

Dalam masa sama, kolaborasi UPSI dengan rakan strategik dari Rusia ini dijangka membuka ruang perkongsian kepakaran dalam bidang teknologi pendidikan, pembangunan bahan pembelajaran terbuka dan pelaksanaan penyelidikan bersama. Sementara itu, majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UPSI dan Altai State Pedagogical University dijadual berlangsung 7 Oktober depan sekali gus menandakan permulaan rasmi kerjasama akademik kedua-dua institusi. Dalam pada itu, bagi mengukuhkan lagi hubungan kebudayaan, Mazura @ Mastura berkata, UPSI akan menganjurkan Festival Mosaic Russia pada 7 dan 8 Oktober 2025 di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City. Menurutnya, festival ini bakal mempersembahkan kepelbagai seni, budaya dan warisan Rusia kepada warga UPSI dan masyarakat setempat sekali gus memperluas jaringan antarabangsa universiti.

## UPSI Terima 330 Pelajar Baharu DPSP, 196 Pelajar Master

**Tg Malim, 18 September** - UPSI menerima kemasukan seramai 330 pelajar baharu Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPSP) dan 196 pelajar Sarjana (Master) bagi sesi pengajian terbaru.

Bagi pengajian peringkat sarjana, antara program yang ditawarkan termasuk Psikologi Pendidikan dengan seramai 37 pelajar, Pedagogi (45 pelajar), Bahasa Melayu (26 pelajar), Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) (24 pelajar), Pengajian Kurikulum (25 pelajar), Pendidikan Awal Kanak-Kanak (17 pelajar) dan Pendidikan Khas (22 pelajar). Pengarah Akademik dan Antarabangsa UPSI, Profesor Madya Dr. Ridzwan Che Rus berkata, jumlah kemasukan itu membuktikan keyakinan masyarakat terhadap kualiti pengajaran pascasiswazah yang ditawarkan oleh UPSI.

"UPSI sentiasa berusaha menyediakan program pascasiswazah yang relevan dengan keperluan semasa dalam bidang pendidikan. "Dengan kemasukan pelajar baharu ini, kami berharap mereka dapat memanfaatkan peluang menimba ilmu pengetahuan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara."

Dr. Ridzwan berkata, universiti itu juga komited memastikan pengajaran, penyeliaan dan penyelidikan dijalankan mengikut piawaian antarabangsa, seiring dengan visi UPSI sebagai universiti pendidikan unggul.



## PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## SOVO Kit 2.0 UPSI Tingkat Kecekapan Kanak-kanak Belajar Bahasa Asing

Tanjong Malim, 20 September -

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini membangunkan aplikasi interaktif SOVO Kit 2.0 bagi menggalakkan kanak-kanak mempelajari bahasa asing selain meningkatkan kecekapan mereka untuk berbuat demikian.

Ketua penyelidik, Dr. Mariyati Mohd. Nor berkata, SOVO Kit 2.0 boleh dimuat turun melalui platform Android dan Apple malah direka mesra kanak-kanak dengan penggunaan gambar-gambar menarik serta berwarna-warni. Beliau berkata, aplikasi itu menekankan gabungan bunyi (sound) dan suara (voice) yang menghasilkan konsep SOVO sebagai medium utama pembelajaran. "Aplikasi itu menawarkan pelbagai latihan bahasa berdasarkan kemahiran mendengar, sekali gus membantu kanak-kanak atau pembelajar permulaan memahami asas sebutan dan perbendaharaan

kata dengan lebih berkesan.

"Antara bahasa yang ditawarkan adalah bahasa Perancis, Jerman, Sepanyol, Mandarin dan Jepun," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. SOVO Kit 2.0 dibangunkan bersama rakan penyelidik Dr. Robe'ah Yusuf, Noraziah Abdul Aziz, Noor Azalina Buang, Tan Lee Na dan Muhammad Hilm Che Ahmad. Mariyati berkata, penyelidik yang terbabit daripada pelbagai latar belakang kepakaran bahasa asing yang membolehkan SOVO Kit 2.0 dibangunkan dengan kandungan yang lebih autentik, menyeluruh dan sesuai dengan keperluan pembelajaran kanak-kanak

"Melalui penggunaan kit ini, kami yakin proses pembelajaran bahasa dapat diperkuuh sejak usia muda, sekali gus membentuk generasi yang lebih bersedia menghadapi cabaran dunia global," katanya.

## Tadika Bitara UPSI cipta sejarah prasekolah pertama di Malaysia diiktiraf UNESCO

Tanjong Malim, 16 September -

Tadika Bitara di bawah seliaan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mencipta sejarah apabila diumumkan sebagai prasekolah pertama di Malaysia yang menerima Certificate of Membership dalam Rangkaian Sekolah Bersekutu UNESCO (UNESCO Associated Schools Network, ASPNet).

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md. Taff berkata, pencapaian ini adalah satu kejayaan besar bukan sahaja kepada UPSI, malah kepada sistem pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia apabila sijil rasmi pengiktirafan

UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization) itu diserahkan pada 11 Ogos 2025 lalu, sekali gus menjadikan tarikh berkenaan sebagai detik bersejarah bagi dunia pendidikan negara. ASPNet yang diwujudkan pada tahun 1953 kini menghimpunkan lebih 11,500 institusi pendidikan dari 182 negara di seluruh dunia.

Rangkaian ini menjadi platform kolaboratif terbesar UNESCO untuk memperkuuh pendidikan nilai sejahtera melalui empat bidang utama: pendidikan hak asasi manusia, kelestarian alam sekitar, dialog antara budaya, dan inovasi pedagogi.



## Penyelidik UPSI Cipta Intervensi Buli Fizikal Tingkat Kesedaran Sekolah Agama Perak

Teluk Intan - Jabatan

Agama Islam Perak (JAIPK) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Tambun serta Sekolah Rendah Al-Hidayah, Ipoh telah melaksanakan Program Pemindahan Ilmu Intervensi Buli Fizikal sebagai langkah proaktif menangani isu buli di sekolah agama. Program yang berlangsung selama tiga bulan itu memberi tumpuan kepada pencegahan, pendidikan emosi serta penerapan nilai murni dalam kalangan guru dan murid. Aktiviti intervensi dijalankan melalui pendekatan kurikulum, termasuk latihan kendiri dan simulasi situasi bagi memastikan mesej anti-buli dapat diterapkan dengan lebih berkesan.

Pengarah JAIPK, Dato' Hj. Harith Fadzilah Abdul Halim berkata, usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif jabatan untuk memperkuuh agenda sosial di bawah pelan pembangunan negeri. "Buli fizikal merupakan isu serius yang boleh menjelaskan keselamatan, kesejahteraan emosi

dan pencapaian murid. Program intervensi ini diharap dapat melahirkan komuniti sekolah yang lebih prihatin serta bebas daripada gejala negatif," katanya.

Selain memberi kesan langsung kepada sekolah, projek ini turut menghasilkan Modul Intervensi Buli Fizikal Menerusi Aktiviti Kokurikulum untuk digunakan di semua sekolah agama negeri Perak. Modul tersebut membolehkan sekolah melaksanakan intervensi secara berdikari tanpa bergantung kepada pihak luar.

Program ini turut memberi nilai tambah kepada pelbagai pihak. Golongan akademik mendapat ruang memperkuuh kepakaran melalui perkongsian praktikal bersama komuniti manakala Graduate Intern (GI) berpeluang meningkatkan kemahiran insaniah dan kebolehpasaran kerjaya. Bagi pihak industri, khususnya JAIPK, pelaksanaan modul ini membantu menjimatkan kos dan masa kerana tidak perlu mendapatkan perundingan daripada agensi luar. Kesannya, guru dan murid bukan sahaja

memperoleh ilmu berkaitan intervensi buli malah berupaya menyebarkan pengetahuan tersebut kepada rakan sejawat, ahli keluarga serta komuniti setempat.

Perubahan sikap dan amalan di sekolah pula dijangka dapat mewujudkan budaya Sekolah Sifar Buli. Secara keseluruhannya, program ini menyokong pelaksanaan Perak Sejahtera 2030 serta agenda nasional. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dari aspek kesejahteraan sosial. Ia membuktikan bahawa usaha pemindahan ilmu antara universiti, agensi kerajaan, sekolah dan komuniti mampu memberi kesan yang nyata kepada pembangunan modal insan dan kesejahteraan rakyat.

Penyelidik

- Dr. Nor Junainah Mohd Isa (FPM, UPSI) - Ketua Projek
- Prof. Madya Ts. Dr. Nor Kalsum Mohd Isa (FSSK, UPSI)
- Dr. Priyalatha Govindasamy (FPM, UPSI)
- Prof. Madya Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar (UniMAP)
- En. Mohamad Hafiz Ahmad Zaidi (Intern)



Waris Mangsa Nahas Bas Gerik Terima Sumbangan RM420,000



Program Teach Korea: MPP UPSI Semarakkan Jalinan Pendidikan Antarabangsa



UPSI Gerak Seluruh Negara: Pastikan Pelajar Baharu Tidak Tercicir



Pelancaran Pelan Strategik Pemerkasaan Pendidikan Sejahtera Negeri Perak 2030